Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.11

Cerpen

Kerinduan Nirmal

Hafizah Iszahanid

DIA duduk di hadapan saya dengan wajah yang serba salah. Sesekali dia tunduk tapi pada sesekali yang lain dia mengangkat muka tetapi memandang entah di mana. Dia seperti tenggelam dalam dunianya sendiri, seperti tersesat dalam dunia realiti.
Saya tidak dapat menduga apa sebenarnya perasaan dia. Adakah takut, gelisah, sedih atau perasaan lain yang tidak terjangkaukan. Saya juga tidak dapat menduga apakah yang mungkin berada dalam fikirannya. Adakah dia sedang memikirkan seribu satu alasan untuk menafikan atau dia sedang bertarung dengan diri sendiri untuk mengungkapkan kebenaran. Antara kedua-duanya itu, saya menjadi berdebar tiba-tiba, tidak tahu bagaimana untuk memulakan perbualan, tidak tahu bagaimana mahu mencungkil rahsia sedang di balik cermin sana ada orang yang memerhatikan, penuh harapan.

Sebenarnya, sudah lama dia di dalam bilik ini. Sudah berjam-jam. Namun, dia enggan bercakap walau sudah ditanya pelbagai soalan dengan pelbagai kaedah oleh penguasa. Tapi dia tetap begitu, memilih untuk diam. Walau diasak dengan seribu satu soalan entah mengapa dia masih tega memilih untuk diam. Adakah benteng emosinya sebegitu kuat hingga soalan penguasa pun mampu dibisukannya? Saya tidak tahu dan akhirnya penguasa memanggil saya untuk membantu.

Kata mereka, dia mungkin tidak faham bahasa kebangsaan jauh sekali bahasa Inggeris, maka dia memilih untuk diam. Atas kemungkinan itu, jadi sang penguasa memerlukan khidmat saya untuk menjadi jambatan, memecahkan kebisuan dan mengungkap kebenaran.

Saya seorang penterjemah. Saya banyak mengalihkan teks pelbagai karya fiksyen dan bukan fiksyen dalam pelbagai bahasa. Pada sesekali yang lain saya juga menjadi jurubahasa dalam persidangan antarabangsa. Selain bahasa Sepanyol atau Itali, saya mahir juga berbahasa Belanda dan Urdu tetapi satu bahasa asing ini, bahasa yang perlu saya gunakan kali ini tidak selalu digunakan. Malah sebenarnya tidak banyak tuntutan kajian yang memerlukan saya menterjemah karya dari negara itu ke bahasa kebangsaan. Jadi saya agak ragu-ragu apakah saya mampu membuka mulut lelaki yang memilih menjadi diam itu.

“Tidak ada penterjemah yang mampu berbahasa dia, hanya puan seorang sandaran kami saat ini,” itu kata sang penguasa, seorang kenalan kepada kenalan.

Ya, saya juga dapat memahami situasi itu. Bahasa yang dituturkan lelaki itu tidak punya nilai komersial yang tinggi. Satu daripada sebabnya, di negara asalnya yang hanya seluas 147,181 kilometer persegi itu, ada 122 bahasa dituturkan! Malah, sebelum ini ia adalah bahasa yang langsung sangat asing bagi rakyat Malaysia umumnya. Hanya kebelakangan ini saja, ia baru dikenali.

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.11

Saya duduk di hadapan lelaki itu, memandangnya dengan senyum semanis mungkin. Saya mahu menarik perhatian dan menarik kepercayaan. Saya mahu mempamerkan kelembutan dan kesopanan, agar dia dilorong rasa membuka cerita.

Namanya Nirmal. Dia adalah seorang daripada imigran asing yang masuk ke negara ini. Dia berasal dari Nepal, negara ke-17 termiskin di dunia. Ketika penguasa menyebut dia dari Nepal, saya memikirkan dia bertutur bahasa Nepali, bahasa warisan Indo-Aryan, bahasa yang dituturkan oleh 78 peratus populasi di situ. Tapi ketika ini saya sendiri sebenarnya tidak pasti, kerana soalan awal saya masih tidak dijawab, dan dia selesa menjadi bisu!

Nirmal kulitnya agak cerah berbanding imigran dari Bangladesh dan India. Nirmal lahir dengan ketinggian yang sederhana atau sebenarnya mungkin agak pendek berbanding lelaki tempatan.

Lama saya memerhatikan Nirmal tetapi dia masih kelihatan sesat dalam realiti. Dia banyak memandang lantai dan kemudian ke dinding atau siling sebelum kembali memandang lantai. Kedua-dua tangannya digenggam kemas seolah-olah saling tidak mahu melepaskan. Nirmal gelisah. Saya pasti dia berbuat kesalahan yang bukan kecil. Kegelisahannya memperjelaskan hal itu, malah sewaktu saya dipanggil penguasa pun, sudah saya sudah dimaklumkan serba sedikit mengenainya. Imigran yang datang ke negara ini tidak kira secara halal atau tidak, selalu saja berhadapan dengan pelbagai masalah berkaitan undang-undang.

Hari ini ada seribu satu kisah tentang imigran yang masuk ke Malaysia. Selain isu sesetengahnya masuk tanpa izin menerusi jalan darat misalnya melalui sempadan Thailand, atau sempadan antara Sabah, Sarawak dan Kalimantan, ada juga yang masuk secara sah tetapi duduk melebihi tempoh diberikan. Ada yang lari dari majikan, lalu hidup secara haram kerana semua dokumen dipegang majikan.

Mereka ada kala hidup dalam kelompok sendiri, mengamalkan budaya seperti di negara asal yang sesetengahnya bersalahan dengan undang-undang negara. Ditambah pula dengan sikap sesetengah majikan yang menguji kesabaran, ada yang dituduh mencuri wang majikan, bergaduh dan berbunuh dengan rakan senegara malah menyakiti majikan kerana lambat membayar gaji hingga ke tahap membunuh. Malah ada yang terbabit dengan kegiatan jenayah kongsi gelap, pecah rumah dan sebagainya. Semua hal itu sudah menjadi seakan-akan perkara biasa hingga mendatangkan rasa gerun dalam kalangan penduduk tempatan.

Di Malaysia ini terdapat pelbagai jenis golongan pendatang dari pelbagai negara. Malaysia sudah menjadi lubuk emas bagi mereka mencari rezeki dan hampir setiap hari ada sahaja kesalahan jenayah membabitkan imigran disabitkan.

Dan Nirmal di hadapan ini, apakah benar dia manusia berdosa? Saya masih tidak tahu kerana dia masih seperti tadi, sejuk dan beku.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.11

II

Nirmal memandang saya dengan wajah cukup gelisah sewaktu saya mengulang tanya. Saya sudah berada di sini hampir 30 minit, tapi Nirmal masih kejap menahan bicara. Sang penguasa di sebelah sudah menyinga, tapi dia masih cuba bersabar walau sesekali dia mula mengenggam-genggam tangan sendiri.

Nirmal di hadapan kami kemudiannya kelihatan mula membuka mulut, tetapi teragak-agak mahu menjawab. Tiada suara yang keluar dari mulutnya. Saya hanya mendengar getaran-getaran nada yang memperjelaskan ketakutan dan kegelisahan. Saya tidak mendengar walau sepatah pun perkataan. Dan kemudian saya melihat ada tetes air mata dari mata kirinya yang perlahan menuruni cerun pipinya dan kemudian jatuh dan melorot hingga ke bucu bibirnya. Wajah Nirmal sebak terlalu. Saya memandang lelaki itu dengan simpati. Saya biarkan dia melayan perasaannya seiring dengan tetes air mata yang jatuh. Dia hanya perlu waktu, saya katakan pada sang penguasa di sebelah yang membuatnya ketawa, menyindir tentunya.

Nirmal ditahan tengah hari tadi oleh penduduk kawasan taman perumahan tidak jauh dari sini. Kata penguasa, sewaktu ditahan penduduk setempat dia tidak melawan, sebaliknya dia terpinga-pinga. Beberapa penduduk sempat ‘menghadiahi’ Nirmal dengan penumbuk dan penyepak, menyebabkan wajahnya sedikit membengkak. Ya, saya memahami emosi penduduk. Tentu saja kesalahan yang dibuatnya sangat besar.

“Dia masuk kawasan rumah orang, cuba hendak ambil anak orang itu,” itu kata penguasa tadi. Saya mengurut dada. Oh, kalau saya di tempat ibu bapa budak itu, tentu saja amarah saya mampu menggegarkan bumi. Apatah lagi si pelaku adalah pendatang asing yang ketika ini tidak diketahui adakah dia masuk secara sah atau haram. Saya dapat membayangkan ketakutan dan kerisauan ibu bapa kanak-kanak itu. Bagaimana kalau si kecil itu dilarikan? Bagaimana kalau dia dicederakan? Oh, tidak! Saya membayangkan bagaimana jika si kecil itu adalah Anatalia! Hati saya disentuh sebak seketika sebelum saya pantas menarik diri dari semua bayangan kemungkinan-kemungkinan itu.

“Kamu apa khabar hari ini,” saya mengubah pertanyaan, sekadar untuk berbasa-basi, untuk meraih kepercayaan. Saya memasang kembali senyum untuk menarik kepercayaan. Jujurnya saya mahu lekas menamatkan sesi ini. Saya mahu segera berada di rumah kerana hari ini, Anatalia anak kecil berusia lima tahun seharusnya diambil bapanya – bekas suami saya. Ah, mengingat Anatalia membuat saya sebak. Pada usia lima tahun dia perlu membahagi hujung minggunya, antara saya dan bapanya itu dan saya sering kali runsing memikirkan saat Anatalia perlu menghabiskan setiap hujung minggunya dengan bekas suami yang berantakan itu. Lelaki sibuk seperti dia yang bertugas sebagai penggubal polisi negara itu selalu saja mungkir janji. Sesudah beberapa kali hujung minggunya yang sepatutnya milik Anatalia bubar begitu saja kerana tuntutan kerjanya atau perlu bersaing masa dengan bakal isteri ayahnya. Saya selalu memujuk Anatalia dengan janji kosong, ah, minggu depan pasti ayah ambil Ana. Minggu ini dengan mama saja, ya. Dan selalunya, Anatalia akan menangis, merindui si ayah yang ada kala hanya sempat membuat panggilan video pendek. Ah lelaki tanpa simpati!

ISSN 1675-7513

"Berumahtangga bermaksud saling membahagi tanggungjawab dan amanah. Kau tidak perlu ikut bersaing denganku dari segi kerjaya kerana semuanya aku mampu sediakan. Mohon di rumah saja Ning, untukku dan Anatalia. Mari lupakan janji zaman kampus untuk sama-sama berjaya dalam kerjaya," itu kata-kata yang pernah dilafaz bekas suami berulang kali, yang membuat saya mengamuk dan akhirnya menamatkan ikatan pernikahan kami.

Itu kisah yang sudah terlalu lama. Bagaimana janji zaman kampus berantakan begitu saja. Kami bernikah awal, tetapi lewat memperoleh Anatalia kerana kesibukan kerjaya masing-masing dan keadaan kesihatan saya yang turun naik. Justeru kerana itu kami hanya dikurniakan Anatalia pada usia perkahwinan yang menjangkau tujuh tahun. Dan kemudiannya, kami selalu bertengkar kerana masing-masing mahu menjadi manusia berjaya dalam definisi umum. Menjadi hebat dengan pendapatan belasan atau mungkin puluhan ribu, memandu kereta besar dan mendiami rumah besar selain diangkat-angkat umum sebagai individu hebat dalam bidang masing-masing.

Ya, itu janji kami ketika muda. Janji saling menyokong dan menjadi tulang belakang. Tapi, definisi kejayaan sebenarnya sudah perlahan-lahan berubah paksinya saat kami mula melangkah ke altar perkahwinan dan hal itu yang tidak kami sedari. Tapi, semuanya adalah sejarah dan biarlah di situ. Dia, bekas lelaki milik saya sudah pun menemui cinta baharu, hanya beberapa bulan kami menamatkan pernikahan secara sah. Ah, lelaki!

"Khabar baik," suara Nirmal menusuk gegendang telinga saya kemudiannya, memadamkan ingatan-ingatan terhadap Anatalia dan bekas suami. Saya memandang Nirmal dengan senyum. Dia bertutur bahasa Nepali, sesi ini akan lebih mudah, saya membayangkan.

"Nirmal dari mana?"

"Saya dari Kathmandu," dia menjawab tetapi nadanya sangat berat dan sarat, seperti awan yang mengandung hujan. Kelam dan gelap. Dan benarlah saya baru hendak bertanya soalan seterusnya tapi Nirmal tiba-tiba menangis. Ia benar-benar bagai awan yang mengandung hujan! Saya terkejut sebelum cepat saya menenangkannya.

Oh jangan menangis Nirmal! Tapi rupanya kata-kata saya membuat lelaki itu lebih kuat tangisannya, sehingga sang penguasa yang duduk di sebelah saya bangkit mendekatinya dan perlahan-lahan menepuk bahunya meminta dia bertenang. Tapi Nirmal, lebih kuat esakannya.

"Saya tahu Kathmandu. Lokasi itu selalu disebut oleh rakan sepejabat yang gemar turun naik gunung dan bercita-cita mahu menakluk Himalaya.

"Ia cantik bukan? Ia adalah bandar yang membawa seribu impian," saya mengucapkan itu satu demi satu walau saya tahu di sebalik semua impian itu, realiti yang mengelilinginya jauh lebih perit. Ia adalah realiti kehidupan, antara hidup dan mati, antara impian dan angan-angan.

Di hadapan saya, Nirmal adalah satu daripada kisah-kisah itu.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.11

"Mari kita cerita tentang Kathmandu, Nirmal," saya renung lelaki itu tepat ke dalam anak matanya. Dia menyelesaikan tangisnya, menyeka sisa air mata dan sedaya upaya memastikan dia mampu mengendalikan emosinya.

III

Saya seorang petani. Setiap pagi saya melihat Himalaya berbentang gagah. Ia adalah pemandangan sewaktu saya mengerjakan kebun sayur, ia juga adalah pemandangan sewaktu saya membuka tingkap. Ia ada di situ dari saat saya mula membuka mata hingga usia perlahan-lahan meningkat dari satu takah ke satu takah. Ia kekal agam, berkabus, tinggi melangit dan simbol harapan.

Seperti Himalaya yang dipandang agung pendaki, kami juga mahu merasa tempias keagungan itu.

Tapi kami tersepit oleh pelbagai faktor yang ada kala membuatkan saya mahu menyalahkan nenek moyang yang memilih untuk hidup di sini.

Kehidupan di sini sebenarnya baru bermula. Kami jenuh berperang menjangkau hampir 10 tahun ketika manusia lain sibuk melangkah ke millennium baharu tapi kami adalah manusia yang berjuang menentang ideologi demi ideologi.

Ia usai kemudiannya, sesudah memakan masa dan tenaga yang panjang dan banyak. Tapi di pertiwi, tanah tumpah darah ini terdedah dengan pelbagai bencana alam kerana kedudukan geografi yang rapuh. Apabila monsun tiba, banjir, tanah runtuh dibawa bersama, ia membawa duka berpanjangan, sepanjang musim monsun. Pada masa-masa baik, saya mampu meraih 6,000 rupee sebulan. Ia bukanlah jumlah besar untuk menyara isteri dan dua anak kecil.

Setiap hari saya memikirkan bagaimana mahu hidup dengan kos kehidupan yang meningkat. Saya menjadi petani kerana itu saja harta yang ditinggalkan datuk dan bapa. Saya tidak berpendidikan dan tidak berkemahiran untuk menjadi juruelektrik atau pengimpal seperti Tanuj atau Suraj yang kini membina kehidupan di Qatar dan Kuwait. Saya hanya tahu bercucuk tanam dan merenung Himalaya yang agam.

Ia bermula apabila Arav datang ke kampung. Dia membina sebuah mimpi indah hingga saya merasakan, sayalah hero yang dicari-carinya.

Ladang di Malaysia sangat luas dan kemahiran kamu tentu sangat mahal! Itu ayat Arav kepada saya sewaktu kami bertemu. Kampung saya terletak di sebelah tenggara Kathmandu dan jika mahu ke situ, saya perlu menaiki bas yang mengambil masa kurang sejam. Kerana tempoh yang panjang dan tiada keperluan mendesak, saya jarang ke pekan. Ia adalah wilayah asing yang tidak saya kenal.

Saya berkenalan dengan Arav menerusi Ram, seorang lelaki 50-an yang tinggal tidak jauh dari kebun sayur yang saya usahakan.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.11

"Malaysia adalah syurga. Kos ke sana juga lebih murah berbanding kamu ke Qatar atau Kuwait," itu kata-kata Arav yang terpahat dalam ingatan. Saya ingat juga Ram yang mengangguk-angguk, mengiyakan dengan sungguh-sungguhnya. Dan saya seakan terpukau, seolah-olah di situ letaknya kebenaran.

Tapi, saya juga tiada pilihan. Jika ada pilihan, saya mahu kekal tinggal di sini bersama isteri dan anak. Tapi dengan jumlah kewangan yang kecil, saya hanya akan mewariskan kemiskinan kepada anak-anak. Saya hanya akan mewariskan tanah kebun sekangkang kera yang akan berhenti diusahakan bila tiba musim monsun, dan kami akan berhimpit-himpit dalam rumah kecil berempat. Saya tidak mahu anak-anak mewarisi kemiskinan turun temurun. Dan, tentu saja saya mahu membahagiakan isteri, seorang wanita yang sudi berkongsi hidup dan mencintai saya dengan sepenuh hatinya.

Saya melihat kehidupan ramai rakan sekampung yang berhijrah ke negara-negara jauh. Ramai kawan sekampung bekerja di Malaysia. Ramai yang mengirim wang bulanan yang banyak kepada ibu bapa atau isteri. Saya tahu itu. Cerita-cerita kemewahan hidup mereka kerana bekerja di Malaysia, sudah menjadi testimoni kejayaan dan kekayaan kepada kami. Saya sendiri melihat kehidupan mereka menjadi lebih baik. Anak-anak mereka bersekolah dan ibu bapa yang ditinggalkan juga kelihatan selalu bahagia, berbual dan bergelak ketawa. Saya mahu kehidupan sebegitu, kehidupan yang membahagiakan isteri dan anak-anak.

'Tapi, saya sudah berusia 30 tahun dan tidak ada kemahiran, apakah yang boleh saya lakukan di negara orang?" saya ingat mengulang soalan itu kepada Arav.

"Kami perlukan kemahiran bercucuk tanam. Syarikat yang sedang cari pekerja ini adalah syarikat perladangan. Mereka tanam sayur-sayuran di kawasan tanah tinggi di Malaysia, macam yang kamu buat sekarang. Tapi ladang mereka besar dan kamu akan dibayar gaji bulanan RM1,500, bukankah itu sangat besar berbanding apa yang kamu ada sekarang?,"

Saya mengira-ngira sendiri. Bukankah RM1,500 adalah bersamaan 45,963 rupee. Ah, dalam sebulan saya akan memperoleh jumlah yang sangat banyak. Saya memasang senyum yang lebar, pulang ke rumah dan meyakinkan isteri juga dua anak kecil masing-masing berusia dua dan lima tahun. Saya akan membeli mereka dunia yang penuh kebahagiaan untuk didiami. Di situ akan saya himpun semua bahagia dan cinta.

Selamat tinggal Himalaya yang agam!

IV

Ia bermula dengan langkah yang keras. Kos membuat pasport mencecah 5,000 rupee, kurang seribu dari habuan pekerjaan di kebun. Jumlah itu membuat saya pening dan saya melihat dunia penuh kebahagian dan cinta seperti yang selalu digambarkan kepada isteri seakan jauh dan berbalam-balam.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.11

Saya mengira-ngira dalam kepala, saya tidak ada simpanan sebanyak itu. Tapi melihat wajah anak-anak yang penuh harap, yang membawa gambar Menara KLCC pemberian Arav ke hulur ke hilir, saya tahu saya perlu mengusahakan untuk sampai ke negara di laluan Selat Melaka itu. Saya perlu melakukan apa yang sepatutnya dibuat lelaki budiman untuk membahagiakan keluarganya.

Kata Arav, ada agensi peminjaman wang di Kathmandu. Di situ saya meminjam 145,000 rupee dengan berat hati sebab bunganya mencecah 30 peratus! Tapi Arav sentiasa di sisi, memberi kata-kata semangat. Nanti gaji kamu di Malaysia akan jauh lebih tinggi! Itu kata Arav. Ah, Arav yang menanam harapan.

Saya menumpang di rumah sepupu di Kathmandu, sementara menunggu Arav menguruskan segala urusan masuk ke Malaysia. Seminggu saya menunggu, tapi Arav tidak datang membawa khabar. Saat itu kegelisahan membuat saya berantakan, dada sentiasa berdebar dan terasa harapan hampir punah sebelum Arav mengetuk pintu dan meminta saya membayar lagi kos perubatan mencecah 3,500 rupee.

Saya lega, Arav muncul dengan berita. Tapi tambahan wang 3,500 sememangnya membuat dada menjadi sesak, saya memikirkan berapakah baki yang mungkin dapat saya kirim kepada isteri di kampung untuk menampung hidup sepanjang ketiadaan saya nanti? Tapi saya turutkan juga permintaan Arav. Saya melakukan itu dengan baki wang yang ada sebelum perlu lagi membayar kos menguruskan visa.

"Kalau kamu masuk cara haram, kamu akan ditangkap dan disumbatkan dalam penjara entah berapa tahun kamu di situ. Bukankah ia lebih menyakitkan? Entah-entah kamu tidak akan dapat lagi pulang ke kampung halaman. Ikut saja kataku," Arav memandang tepat ke dalam anak mata, ya bukankah jika tertangkap masuk secara haram, itu lebih menyakitkan? Akal mengulang kata-kata Arav dan hati mempersetujuinya.

Seminggu, dua minggu dada berdebar tidak keruan, kelibat Arav entah di mana. Saya sudah lama meninggalkan anak isteri di kampung dan menumpang tidur di rumah jiran sekampung bukanlah hal yang menyeronokkan. Dia tidak menghalau, tetapi tentu saja dia tidak selesa. Rumahnya kecil dan anak-anaknya juga masih kecil dengan isteri tidak bekerja. Saya hampir putus asa dan merasakan bahawa saya sudah ditipu!

Saya memikirkan bagaimanakah caranya hendak membayar wang yang dipinjam sebanyak 145,000 rupee dengan kadar bunga 36 peratus itu nanti? Adakah saya perlu menjadi hamba seumur hidup? Atau menggadaikan tanah kebun yang mungkin nilainya tidak pun mencecah 145,000 rupee. Dan bagaimana dengan janji memberikan isteri dan anak-anak kehidupan penuh bahagia dan cinta? Saya hampir sasau!

Oh, saya membayangkan kembali mengerjakan kebun sayur. Dan mungkin, saya perlu menjual kebun itu yang diwarisi daripada datuk buat membayar hutang! Jantung seakan mahu pecah dengan kemungkinan-kemungkinan itu.

ISSN 1675-7513

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.11

Tapi kemudiannya Arav mengetuk pintu rumah sepupu saya itu pada satu pagi sesudah dua minggu saya hampir sasau. Dia menyuruh saya berkemas dan berkata, penerbangan ke Kuala Lumpur akan berlepas dalam tempoh lima jam! Saya tidak pasti apa yang perlu dibuat, apa yang perlu dikemaskan atau sempatkah saya berlari pulang ke kampung mendakap anak dan isteri yang hampir sebulan ditinggalkan?

Semuanya berbaur, membuat dada saya menjadi ketat sebelum saya menyedari saya sudah ada dalam pesawat dengan surat tawaran kerja dengan gaji RM600 sebulan!

V

"Kenapa kamu lari dari majikan?" saya menanyakan soalan itu. Nirmal sekadar merenung saya tanpa memberi sebarang jawapan. Sisa air mata masih terlihat pada pipinya.

Lelaki itu kekal tidak menjawab. Dia sukar sekali mengawal perasaan. Sekejap-sekejap dia menangis. Saya memberinya sebotol air mineral, saya mahu membantu dia bertenang. Nirmal mengambil masa yang lama untuk mendapatkan kembali kawalan ke atas dirinya sendiri yang sejak tadi ditenggelami emosi.

Saya melihat dia menyapu air mata yang bersisa beberapa kali. Saya juga melihat dia menarik nafas dan melepaskannya beberapa kali. Dia mahu bercerita, saya tahu. Tapi dia disesatkan emosi. Tentu dia datang dengan seribu harapan dan sejuta impian, tapi saat ini dia tahu semuanya tidak akan mampu dicapai jika disabitkan kesalahan. Ya, saya memahaminya.

Kata Nirmal, dia ditipu agensi. Kata dia lagi, gaji yang sepatutnya diberi sudah menjadi separuh sejak dalam pesawat lagi. Kemudian, apabila tiba di ladang sayur tempat dia perlu bekerja, dia hanya dibayar gaji pada bulan pertama sahaja. Hari ini hampir enam bulan dia bekerja di situ dan selama itu juga dia tidak dibayar gaji dengan alasan wang itu dibayar kepada agensi pinjaman wang di Kathamandu. Dia perlu menyelesaikan pinjaman dengan bunga 30 peratus.

"Saya tidak ada telefon. Saya tidak boleh telefon anak dan isteri. Majikan juga tidak benarkan kami keluar berjumpa kawan-kawan senegara. Saya sangat rindu anak. Saya sudah tidak bertemu dengannya hampir tiga tahun.

"Saya tidak ada niat culik anak orang itu, saya hanya mahu mendakapnya buat melepas rindu," Nirmal mengucapkan kata-kata itu dengan tenang tetapi saya melihat air matanya mengalir perlahan-lahan menuruni lekuk-lekuk di pipinya yang cengkung. Saya melihat seluruh kerinduannya dengan jelas dalam matanya yang basah.

"Saya tahu saya bersalah. Hukumlah saya tapi saya tidak bersalah kerana merindui anak. Saya terlalu rindu," kata-kata Nirmal, menusuk jauh ke dalam hati saya. Ia bagai panah beracun yang membuatkan saya rasa terhukum. Ia mengundang sebak yang tidak terkawal dalam hati saya.

Jurnal Melayu
Vol. 25 (2) 2026
DOI: https://doi.org/10.17576/jmelayu.2026.2502.11

Kata-kata Nirmal membuat saya teringat si kecil Anatalia di rumah dan saya ingat pesan bekas suami di talian tiga hari lalu. Katanya, dia lebih memilih untuk bersama saya kembali daripada menikahi wanita yang bersamanya sekarang.

"Rinduku kepada Anatalia setengah mati, adakah kamu tahu? Rindu itu membuat aku lebih ingin bersamamu daripada dia, tahukah kamu erti rindu?" saya ingat baris kata-katanya.

Entah, adakah saya diracuni dengan kerinduan Nirmal?

Biodata Penulis:

Hafizah Iszahanid
Hafizah Iszahanid penulis kelahiran Chemor, Perak 17 Oktober 1975. Menulis dalam pelbagai genre kesusasteraan. Kumpulan cerpennya *Ayam Patah Kepak* (2013, ITBM) *Perempuan Berambut Merah* (2015, ITBM), *Dalam Dakap New York* (2015, ITBM) dan Mulieres (2019, Nusa Center). Novelnya yang pernah memenangi hadiah sastera ialah *Bukan OrangOrang* (2015), *Deru Angin* (2015), *Kuala Lumpur di Sebalik Bulan* (2020), *Tabula Rasa* (2020). Beliau merupakan penerima Anugerah SEA Write 2025 dan Sasterawan Negeri Perak 2026.